

29 JUN 2000

OIC: PAK LAH RAI MENTERI LUAR OIC PADA JAMUAN TENGAH HARI

KUALA LUMPUR, 29 Jun (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meraikan menteri-menteri luar dari Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada jamuan tengah hari di Mines Beach Resort di sini.

Menteri-menteri berkenaan berada di sini bagi sesi ke-27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM) yang berakhir esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan itu yang bertemakan "Islam dan Globalisasi" pada Selasa.

Malam tadi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang juga pengerusi sesi ke-27 ICFM, meraikan para perwakilan pada satu majlis jamuan.

-- BERNAMA

AZZ AKD